

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah peluang untuk Kementerian mendapat peruntukan yang cukup untuk infrastruktur kecil di Labuan yang mana terlalu banyak permohonan-permohonan dari ketua-ketua kampung di seluruh Labuan masih tertangguh pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa mengambil perhatian khusus dalam merancang, meneliti dan seterusnya memperakukan permohonan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur kecil di Wilayah Persekutuan. KWP menyalurkan peruntukan tahunan melalui Perbadanan Labuan berdasarkan kepada perancangan dan permohonan tahun sebelumnya untuk dilaksanakan pada tahun semasa.

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, pembangunan infrastruktur kecil merupakan program pembangunan yang berterusan. Justeru itu, tidak dinafikan pada tahun semasa terdapat juga permohonan baru yang dikemukakan oleh Ketua-ketua Kampung melalui Pejabat Ahli Parlimen. Peruntukan bagi permohonan infrastruktur kecil tersebut akan diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya menyalurkan peruntukan kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk pelaksanaan projek. Projek-projek tersebut telah tertangguh kerana Ahli Parlimen telah bertukar parti.

Sungguhpun demikian, Kerajaan semasa amat prihatin terhadap keperluan rakyat Labuan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, KWP menyalurkan peruntukan Pemberian Khas melalui Program Kesejahteraan Wilayah Persekutuan untuk pelaksanaan projek-projek kecil seperti naik taraf kemudahan awam, baikpulih rumah daif, baikpulih jalan kampung, menaiktaraf jambatan kayu di kampung air, pembinaan jalan simen serta pembinaan longkang dan kerja-kerja berkaitan.

Berdasarkan permohonan yang diterima daripada ketua ketua kampung melalui Perbadanan Labuan pada tahun 2020, adalah dianggarkan sejumlah RM13.5 juta diperlukan untuk menampung pelaksanaan pembangunan infrastruktur kecil dengan memberi keutamaan kepada

## NO. SOALAN : 20

kerja-kerja baikpulih jalan dan bina jalan baru kampung, jambatan di kampung air serta infrastruktur awam kecil di kampung seluruh Labuan. Sehingga kini sejumlah 21 projek telah dilaksanakan dengan kos berjumlah RM500 ribu dibawah Peruntukan Khas Wilayah Persekutuan.

Dalam memastikan peruntukan infrastruktur kecil adalah mencukupi, KWP juga mendapat kerjasama yang amat baik dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Pada tahun ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM555 ribu bagi 37 projek baikpulih rumah daif di WP Labuan. KWP juga akan memohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi menampung keperluan permohonan peruntukan infrastruktur kecil tersebut.

Sekian, terima kasih.